

CEROBOH HUTAN SIMPANAN KEKAL

Pengarah Perhutanan negeri diarah pantau, ambil tindakan

➔ Aktiviti curi hasil hutan berleluasa, boleh dipenjarakan, denda hingga RM10,000

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Semua Pengarah Perhutanan negeri diarah memantau dan mengambil tindakan ke atas pihak yang menceroboh hutan simpanan kekal tanpa kebenaran, bagi mencari hasil hutan, termasuk tumbuhan periuk kera

yang mendapat permintaan ramai pada musim perayaan ini.

Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, Datuk Borhanudin Arshad, berkata tindakan memasuki Hutan Simpanan Kekal (HSK) tanpa kebenaran dilarang mengikut Seksyen 47 Akta Perhutanan Negara 1984.

“Jabatan pada masa ini mahu rakyat sedar tindakan mengambil hasil itu satu kesalahan yang melanggar Akta Perhutanan Negara 1984.

Nasihat terlebih dahulu

“Pada masa ini, kita lebih suka nasihatkan dulu sebelum mengambil tindakan tegas seperti termaktub dalam undang-undang berkaitan.

“Berdasarkan kesalahan mengikut Seksyen 47 Akta Perhutanan

Negara 1984, seseorang yang didapati bersalah boleh dikenakan denda maksimum RM10,000 atau dipenjarakan maksimum tiga tahun,” katanya kepada BH di sini, semalam.

Beliau mengulas mengenai kumpulan menggelarkan diri mereka Pencari Periuk Kera yang disiarkan dalam beberapa akhbar, baru-baru ini.

Susulan itu, tular di media sosial apabila pakar botani yang juga Felo Penyelidik Ekologi dan Biodiversiti, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Emeritus Datuk Dr Abdul Latiff Mohamad, menyatakan kekecewaannya dengan kumpulan Pencari Periuk Kera yang ‘menyamun’ khazanah hutan.

Abdul Latiff juga mahu Jabatan Perhutanan mewartakan 13 jenis spesies periuk kera di Semenanjung Malaysia dan diletakkan di

bawah senarai tumbuhan dipelihara dan dipulihara.

Wartakan spesies periuk kera

Mengulas cadangan pewartakan itu, Borhanudin berkata, pihaknya sudah mengambil perhatian dan akan membawa perkara itu untuk dibincangkan pada peringkat pengurusan.

Katanya, menjadi tanggungjawab jabatan untuk mengurus dan membangunkan sumber hutan secara berkekalan.

“Kita komited meningkatkan keluasan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) sedia ada, iaitu 4.81 juta hektar kepada lima juta hektar menjelang 2023.

“Saya yakin dengan komitmen kerajaan negeri dan Jabatan Perhutanan negeri bagi mencapai matlamat ini,” katanya.



Menjadi tanggungjawab jabatan untuk mengurus dan membangunkan sumber hutan secara berkekalan”

Borhanudin Arshad,
Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia